

NILAI ETIKA DALAM PERBILANGAN ADAT PERPATIH
MENURUT PANDANGAN ISLAM

NOR HASIAH BINTI HARUN

JABATAN AL - QUR'AN DAN AL - SUNNAH
FAKULTI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI, SELANGOR
SESI 1990 / 91

NILAI ETIKA DALAM PERBILANGAN ADAT PERPATIH
MENURUT PANDANGAN ISLAM

OLEH

NOR HASIAH BINTI HARUN

LATIHAN ILMIAH INI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT-SYARAT UNTUK
MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA MUDA
PENGKAJIAN ISLAM DENGAN KEPUJIAN

JABATAN AL-QUR'AN DAN AL-SUNNAH
FAKULTI PENGKAJIAN ISLAM
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI 43600, SELANGOR DARUL EHSAN

SESI 1990/91

Latihan Ilmiah ini ku abadikan buat :

Ayanda bonda yang tercinta,
Pengorbananmu ku sanjung tinggi,
Terima kasih di atas kesabaranmu
mendidik, membimbing serta
menanti kepulanganku.

Harapanmu untuk melihat anakmu ini
menjadi insan yang berilmu
dengan 'kertas segulung'
Isyaallah telah ku tunaikan.

Doakan semoga, aku menjadikan
ia sebagai alat untuk menambah
keimanan dan ketakwaanmu pada
Ilahi serta membimbing keluarga
dan bangsaku.

Doaku untukmu,

"Ya Allah, ampunilah dosa kedua
ibubapaku, berkatilah umurnya
dan masukkan mereka berdua
dalam golongan hamba-hamba
yang beriman, beramal soleh
serta sentiasa di bawah hidayah
dan inayahMu, Amin ..."


Ikhlas dari anakmu,

PENGAKUAN

"Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan-nukilan dan ringkasan-ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya".

01 April, 1991

15 Ramadhan 1411



(NOR HASIAH HARUN)

PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
 الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ
 عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ سَيِّدِنَا
 مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَجَاهِدِينَ فِي
 سَبِيلِ الْيَوْمِ الْدِينِ .

Alhamdulillah, setinggi kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia serta izin dan C'inayahNya terutama penulis telah terselamat daripada peristiwa ngeri 9hb. Mac, 1991 jam 3.10 petang, maka penulis berjaya menyempurnakan Latihan Ilmiah ini. Di sini penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada :

[i] Ustazah Hasnah Hj. Salleh, selaku penyelia kepada Latihan Ilmiah penulis di atas kesudian beliau memberikan bimbingan dan meluangkan masa kepada penulis sehingga penulis dapat menyiapkan Latihan Ilmiah ini.

Yang berbahagia En. Haji Ahmad Tainu, Ketua Penyelidik Koleksi Budaya, Seremban, Ustaz Haji Mustaffa Haji Ahmad, Ustaz Ali Baharom, En. Haji Md. Sharif Fakeh Hassan dan Encik Sulaiman Kadimi, Pegawai Pesaka daerah Kuala Pilah, yang telah banyak memberi bimbingan, penjelasan serta pandangan berhubung dengan kajian ini.

[ii] Yang dihormati dan dikasihi para pensyarah di Fakulti Pengajian Islam, khasnya para pensyarah di Jabatan

Pengajian Al-Qur'an dan al-Sunnah, semoga segala ilmu yang dicurahkan kepada penulis dan rakan-rakan selama di kampus ini diberkati Allah serta memberi manfaat di dunia dan diakhirat.

[iii] Kak Ina yang telah menaip Latihan Ilmiah ini, rakan-rakan seperjuangan yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak membantu penulis menyiapkan Latihan Ilmiah ini terutama Liza, Kak Nah dan Misran.

[v] Akhir sekali teristimewa kepada keluarga tercinta, ayahanda dan bonda, alang, akak, anak saudaraku Najwa, Pak Teh sekeluarga, ~~serta~~ Pak Long sekeluarga serta Pak Anjang sekeluarga, doa kalian telah mengiringi kejayaan ini.

Nor Hasiyah Binti Harun (22700)
Jabatan Pengajian Al-Qur'an dan al-Sunnah,
Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bangi,
Selangor Darul Ehsan.

SINOPSIS

Latihan Ilmiah ini membicarakan nilai etika yang terdapat dalam kata-kata perbilangan adat yang ada di dalam Adat Perpatih. Penilaiannya lebih khusus terhadap kata-kata perbilangan yang menyentuh tentang sistem nilai dan falsafah, sistem kekeluargaan dan kemasyarakatan, sistem ekonomi, sistem politik dan hukum adat. Perbincangan ini mengandungi tiga bab yang khusus.

BAB I : Penulis menyentuh tentang sejarah kedatangan Adat Perpatih dan Agama Islam ke Negeri Sembilan secara ringkas, pengertian adat serta menghuraikan sistem-sistem yang telah dinyatakan.

BAB II : Membicarakan pengertian etika dari sudut falsafah barat dan Islam. Di dalam bab ini juga penulis muatkan nas-nas syarak sama ada daripada al-Qur'an atau Hadis dan juga pendapat-pendapat ulamak yang bersesuaian ataupun yang bercanggah dengan kata-kata perbilangan tersebut.

BAB III : Penulis bawakan pandangan tokoh-tokoh agama di Negeri Sembilan serta pandangan penulis sendiri, sejauhmanakah kata-kata perbilangan adat itu bersesuaian dengan ajaran Islam. Akhir sekali penulis membuat kesimpulan secara menyeluruh berhubung dengan tajuk ini.

KANDUNGAN

JADUAL KANDUNGAN	HALAMAN
PENGAKUAN	i
PENGHARGAAN	ii
SINOPSIS	iv
JADUAL KANDUNGAN	v
SINGKATAN KATA	vii
TRANSLITERASI	viii
PENDAHULUAN	ix
BAB I - ADAT PERPATIH	
1.1. Sejarah Kedatangan Adat Perpatih Ke Negeri	
Sembilan	1
1.2. Pengertian Adat	7
1.3. Sistem Adat Perpatih	11
1.3.1. Sistem Nilai Dan Falsafah Adat	12
1.3.2. Sistem Kekeluargaan Dan Kemasyarakatan ..	38
1.3.3. Sistem Ekonomi	38
1.3.4. Sistem Politik	43
1.3.5. Sistem Hukum Adat	50
BAB II - KONSEP ETIKA	
2.1. Pengertian Etika	67
2.2. Nilai Etika Yang Terkandung Dalam Sistem Nilai	
Dan Falsafah Adat	72

JADUAL KANDUNGAN	HALAMAN
2.3. Nilai Etika Yang Terkandung Dalam Sistem Kekeluargaan Dan Kemasyarakatan	85
2.4. Nilai Etika Yang Terkandung Dalam Sistem Ekonomi	102
2.5. Nilai Etika Yang Terkandung Dalam Sistem Politik	108
2.6. Nilai Etika Yang Terkandung Dalam Sistem Hukum Adat	125
BAB IV - PANDANGAN DAN KESIMPULAN	
3.1. Pandangan Tokoh-tokoh Agama Masyarakat Adat Perpatih	163
3.2. Pandangan Penulis	175
KESIMPULAN	180

SINGKATAN KATA

a.s.	^c Alayh al Salām
cet.	cetakan
Dr.	Doktor
Prof.	Professor
ed.	diedit oleh
H.	Hijrah
hlm.	halaman
ibid	di tempat yang sama
jil.	jilid
juz.	juzuk
k.w.	Karrama Allah Wajhahū
M.	Masihi
ptrj.	penterjemah
r.a.	Raḍiya Allāh ^c anhu/ ^c Anhā
s.a.w.	Ṣalla Allāh ^c anhu/ ^c Anhā
s.w.t.	Subhānahū Wa Ta ^c ālā
t.pt.	tanpa penerbit
t.th.	tanpa tarikh
t.tp.	tanpa tempat

TRANSLITERASI

Huruf Arab	Huruf Latin
ا	i
ا	-
ب	b
ت	t
ث	th
ج	j
ح	h
خ	kh
د	d
ذ	dh
ر	r
ز	z
س	s
ش	sh
ص	s

Huruf Arab	Huruf Latin
ض	ḍ
ط	ṭ
ظ	ẓ
ع	c
غ	gh
ف	f
ق	q
ك	k
ل	l
م	m
ن	n
ه	h
و	w
ي	y
ة	ṭ

Vokal Pendek	
a	_____ /
i	_____
u	_____ / _____ 9

Vokal Panjang	
ā	_____ /
ī	_____ /
ū	_____ / _____ 9

Diftong	
ay	_____ /
aw	_____ /

PENDAHULUAN

Kata perbilangan adat merupakan dasar hukum dalam pentadbiran Adat Perpatih. Istilah-istilah lain yang terangkum di dalamnya ialah pepatah petitih, gurindam, kata bidalan dan pantun. Kata-kata perbilangan ini diciptakan oleh orang-orang Minangkabau dahulu adalah berdasarkan kepada pengalaman setelah merenungi alam sekeliling. Cuba amati kata pantun ini :

Penakik pisau seraut
Ambil galah batang lintabung
Seludang jadikan nyiru
Setitik jadikan laut
Sekepal jadikan gunung
Alam berkembang jadikan guru.

Kata-kata perbilangan adat ibarat kata mustika yang berharga. Di dalamnya akan ditemui pepatah-petitih yang amat tinggi nilai falsafahnya, sekaligus memperjelaskan hubungan antara ajaran adat dengan ajaran syarak :

Pada adat
Menghilangkan yang buruk
Menimbulkan yang baik
Kata syarak
Menyuruh berbuat baik
Menegah berbuat jahat

Oleh yang demikian, kata-kata perbilangan ini telah mendorong hati penulis untuk membuat kajian yang lebih tertumpu kepada kata-kata perbilangan adat, seterusnya membuat penilaian sejauhmanakah kesesuaiannya dengan ajaran Islam. Semoga usaha ini memberi manfaat kepada para pembaca dan terutamanya kepada mereka yang hidup dalam masyarakat Adat Perpatih.

BAB III

PANDANGAN DAN KESIMPULAN

3.1. Pandangan Tokoh-tokoh Agama Masyarakat Adat Perpatih Terhadap Perbilangan Adat

Syariat Islam terus berkembang selagi umatnya berpegang teguh kepada al-Qur'an dan al-Sunnah. Demikianlah juga dengan nilai-nilai hidup dalam Adat Perpatih. Kata-kata perbilangan adat merupakan tunggak kepada kesinambungan pengamalan kepada prinsip-prinsip adat hingga kini. Di sini kita lihat sejauh manakah kesesuaian nilai-nilai etika dalam perbilangan adat dengan syariat Islam menurut pandangan tokoh-tokoh agama di Negeri Sembilan. Penulis hanya sempat menemubual dua orang tokoh sahaja iaitu Ustaz Datok Haji Mustafa Hj. Ahmad, Pengerusi Jawatankuasa Perkembangan Islam, Negeri Sembilan dan beliau juga adalah bekas Pegawai Pelajaran Agama, Jabatan Agama Negeri Sembilanb. Seorang lagi ialah Ustaz Ali Baharom, Kadi Besar, Mahkamah Tinggi, Seremban. Namun penulis mendapati pandangan atau pendapat kedua tokoh ini hampir sama.

Ustaz Haji Mustafa¹ menjelaskan bahawa hubungan antara adat dan syarak boleh diibaratkan seperti sepohon pokok iaitu adat itu ialah pokok yang berakar umbi, berdahan, berdaun, beranting tetapi tidak berpucuk. Adapun syarak ibarat sepohon pokok yang berakar

¹ Temubual dengan Ustaz Haji Mustafa bin Hj. Ahmad, 30 Januari, 1991.

umbi, berdahan beranting, berdaun tetapi berpucuk. Tamsil ini memberi maksud bahawa adat itu tidak terus berkembang kesan daripada modenisasi berbanding dengan nilai-nilai Islam, ia terus berkembang dan disanjung tinggi hingga ke akhir zaman malah ia dijadikan senjata untuk mempertahankan nilai-nilai hidup yang murni kesan daripada unsur modenisasi yang negatif.

Ustaz Ali bin Baharom¹ pula menegaskan bahawa adat itu boleh dijadikan undang-undang hidup dalam masyarakat islam selagi ia tidak bertentangan dengan syariat. Beliau membawakan kaedah yang diamalkan oleh ahli Fiqh (العادة المحكمة), ertinya adat kebiasaan boleh menjadi hukum. Kaedah ini diambil dari hadis :

فما رأى المسلمون حسنا فهو عند الله حسن².

Maksudnya :

"Apa yang baik oleh orang muslimin, maka itu adalah baik di sisi Allah".

Abu Sannah di dalam kitabnya berjudul, al-Carf wa al-Cā dah fī ra'yi al-fugahā' telah mengemukakan enam syarat sebagai ukuran sesuatu adat itu boleh diterima menjadi peraturan undang-undang yang sah :³

- [i] Adat itu mestilah berterusan. Ini bererti jika praktik adat itu terputus, maka adat demikian tidak boleh dianggap sah untuk diterima sebagai undang-undang.

¹ Temubual dengan Ustaz Ali bin Baharum, 30 Januari, 1991.

² Ahmad b. Hanbal Musnad al-Imam Ahmad b. Hanbal, juz. 1, hlm. 379.

³ Ismail Mat, "Pemakaian Kaedah Antropologi Dan Sains Perundangan Islam Dalam Kajian Dan Penilaian Kes Undang-undang Adat", Islamiyyat, hlm. 34 - 35.

- [iii] Ia mesti umum dari segi perlaksanaannya kepada semua dunia Islam. Ibn Abidin tidak menafgikan kemungkinan pemakaian adat suatu daerah tertentu semasa ketiadaan keterangan yang cukup dari teks perundangan.

- [iiii] Ia mestilah tidak bertentangan dengan teks al-Qur'an dan al-Sunnah yang sahih.

- [iv] Ia mestilah telah ada ssebelum dan semasa timbulnya masalah yang hendak diketahui umum.

- [v] Ia mestilah satu kewajipan yang perlu (mulzaman) oleh anggota suatu masyarakat dalam perlaksanaannya.

- [vi] Ia mestilah adat yang termasuk di dalam kategori al nutq bi al-^Camr al-muta^Carif (ungkapan adat yang terkenal diamalkan) di mana tiada terdapat ungkapan kata atau perbuatan supaya melakukan sesuatu yang berbeza daripadanya.

Apabila ditanya berhubung dengan kata perbilangan :

Penakik pisau seraut
 Ambil galah batang lintabung
 Seludang jadikan nyiru
 Setitik jadikan laut
 Sekepal jadikan gunung
Alam terkembang jadikan guru

mereka sepakat mengatakan bahawa Adat Perpatih menyuruh masyarakat menjadikan alam sebagai sumber inspirasi bagi mengatur kehidupan mereka. Dengan memerhati serta mengkaji unsur-unsur alam, seseorang itu perlu menjadikan setiap kejadian atau pun yang berlaku sebagai tauladan dan sempadan. Maka bila dikaji secara jujur terdapat titik

persamaan antara ajaran adat dan agama Islam.

Di dalam al-Qur'an, banyak terdapat ayat-ayat yang menjelaskan bahawa Allah s.w.t. menyuruh hambna-hambanya supaya memikirkan serta mengkaji segala yang ada di alam ini bagi melicinkan perjalanan hidup mereka di dunia menuju ke akhirat. Seterusnya, Dia mengingatkan hambaNya supaya beriman denganNya, mengakui keagungan dan keesaanNya.

Firman Allah s.w.t.

ان فى خلق السموات والارض واختلاف الليل والنهار لآيات الاولى الالباب¹.

Maksudnya :

"Sesungguhnya dalam penciptaan langit dan bumi dan silih bergantinya malam dan siang terdapat tanda-tanda bagi orang-orang yang berakal.

FirmanNya lagi :

وفى الارض قطع متجاورات وجنات من اعناب وزرع ونخيل صنوان وغير صنوان يسقى بماء واحد وفضل بعضها على بعض فى الاكل ان فى ذلك لآيات لقوم

Maksudnya :

يعقلون².

"Dan di bumi ini terdapat bahagian-bahagian yang berdampingan, kebun-kebun anggur, tanaman-tanaman dan pohon kurma yang bercabang dan tidak bercabang yang disirami oleh air yang sama. Kami melebihkan sebahagian tanaman itu di atas sebahagian yang lain tentang rasanya. Sesungguhnya pada yang demikian itu terdapat tanda (kebesaran Allah) bagi kaum yang berfikir".

¹ Al-Qur'an, Surah Ali 'Imrān, 3 : 190.

² Al-Qur'an, Surah al-Ra'du, 13 : 4.

FirmanNya lagi :

اغلا ينظرون الى الابل كيف خلقت والى السما
كيف رفعت والى الجبال كيف نصبت والى الارض
كيف سطعت فذكر انما انت مذكر¹.

Maksudnya :

"Maka apakah mereka tidak memerhatikan unta, bagaimana ia diciptakan? Dan langit, bagaimana ia ditinggikan? Dan gunung-gunung, bagaimana ia ditegakkan? Dan bumi, bagaimana ia dihamparkan? Maka berilah peringatan, maka sesungguhnya kamu (Muhammad) hanyalah orang-orang yang memberi peringatan".

Di sini penulis bawakan satu contoh sumber alam yang telah dijadikan tamsil ibarat oleh nenek moyang dahulu iaitu padi :

Jangan jadi resmi lalang
Semakin berbunga semakin tegak
Ikutlah resmi padi
Semakin tunduk semakin berisi

Telah menjadi kelaziman lalang yang berbunga tidak memberi apa-apa manfaat, malah tegak condongnya mengikut tiupan angin. Ia menggambarkan orang yang hidup tiada pendirian tetapi angkuh dan sombong pula. Sedangkan padi, semakin ia berisi, ia bukan sahaja dapat dimanfaatkan oleh manusia tetapi juga oleh burung-burung seperti bidalan :

Di mana padi rebah
Di situ terkukur menanti batang

Maka kita harus ikut prinsip hidup padi, semakin kita berharta dan hidup senang hendaklah sentiasa merendah diri, manfaatkan harta itu

¹Al-Qur'an, Surah al-Ghāsyiah, 88 : 17-21.

dengan dikongsikan bersama orang yang memerlukan.

Oleh yang demikian, masih terdapat berpuluh-puluh malah ratusan tamsil ibarat yang berselindung di sebalik apa yang dikatakan 'alam berkembang menjadi guru'.

Hubungan antara adat dan syarak, adalah hubungan secara langsung. Menurut mereka lagi hal ini dapat dilihat dengan jelas melalui kata perbilangan :

Adat bersendikan hukum
Hukum bersendikan syarak
Syarak bersendikan kitabullah (al-Qur'an)

Ajaran-ajaran sosial terutamanya yang terdapat di dalam masyarakat adat adalah bersendikan ajaran Islam yakni Iman dan Takwa serta rukun Islam yang lima, tak ubah seperti 'rumah gadang bersendi batu, kuat rumah karano sandi'.¹ Adat itu seolah-olah mengatur tentang urusan duniawi sedangkan syarak mengatur tentang urusan ukhrawi yang kedua-duanya diperlukan oleh masyarakat yang beradat dan beragama seperti firman Allah dalam al-Qur'an al-Karim :

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي
الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ 2.

¹Idrus Hakimi bt. Raja Penghulu (Haji), "Adat Minangkabau Basandi Syarak, Syarak Basandi Kitabullah Dalam Pembangunan Masyarakat", hlm. 22.

²Al-Qur'an, Surah al-Baqarah, 2 : 201.

Maksudnya :

"Ya Allah, kurniakanlah kami kebaikan hidup di dunia dan juga di akhirat"

Mereka juga menyebut, bahawa apabila seorang ketua mengadili orang yang bersalah hendaklah dilaksana dengan tegas tanpa ada diskriminasi kerana 'biar mati anak, jangan mati adat'. Pepatah ini juga disokong oleh kata perbilangan adat :

Menghukum adil berkata benar
tidak boleh berpihak-pihak
tidak boleh berkatian diri
lurus benar dipegang sungguh
di mata jangan dipincingkan
di dada jangan dibusungkan¹
di perut jangan dikempiskan.

Dalam al-Qur'an Allah berfirman :

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا قُوا أَمِنَ بِالْقِسْطِ شَهِدَاءَ
لِلَّهِ وَلَوْ عَلَىٰ أَنْفُسِكُمْ أَوِ الْوَالِدِينَ وَالْأَقْرَبِينَ .²

Maksudnya :

"Wahai orang-orang yang beriman, jadilah kamu orang yang benar-benar penegak keadilan, menjadi saksi kerana Allah biarpun terhadap dirimu sendiri, atau ibubapa atau kaum kerabatmu".

Oleh yang demikian, hubungan adat dan syarak saling kuat menguat seperti kata pepatah :

¹Idrus Hakimi Dt. Rajo Penghulu (Haji), Rangkaian Mustika Adat Basandi Syarak di Minangkabau, (Bandung : Remadja cv, 1984), hlm. 29.

²Al-Qur'an, Surah al-Nisâ', 4 : 135.

Pada adat : menghilangkan yang buruk
menimbulkan yang baik

Pada syarak : Menyuruh berbuat baik
Mencegah berbuat jahat.

Apabila ditanya, adakah cara pembahagian harta pusaka dan larangan berkahwin dengan perempuan sesuku menepati kehendak 'adat bersendikan hukum'?

Menyentuh tentang konsep harta pusaka, masyarakat luar adat khasnya yang menuduh anak-anak perempuan membolot semua harta pusaka dan sesipa yang berkahwin dengan wanita adat, apabila mereka bercerai, si suami akan keluar sehelai sepinggan, harta semuanya kena serahkan kepada isteri. Tuduhan ini berpunca kerana wanita adat diberi hak sepenuhnya untuk mewarisi tanah pusaka adat. Tetapi menurut beliau, kaum wanita hanya pemegang amanah sahaja terhadap tanah itu kerana ia merupakan 'tanah wakaf' dari nenek moyang dahulu terhadap kaum perempuan. Ustaz Ali Baharom menambah salah faham ini timbul kerana pentadbiran British dahulu telah meletakkan nama di atas geran tanah adat. Lantaran itu wanita adat yang kurang memahami prinsip adat merasakan seolah-olah tanah itu milik mereka secara total. Ustaz Hj. Mustafa mengatakan bahawa cara pembahagian seperti ini dipersetujui oleh Fatwa Fatani.

Tuduhan ke atas wanita adat membolot harta suami, adalah kerana mereka hanya mengambil makna kata pepatah - 'mati laki tinggal pada bini' dengan disertai oleh sentimen bahawa Adat Perpatih mengutamakan kaum wanita. Kata pepatah yang sebenarnya ialah :

Carian bahagi
 Dapatan tinggal
 Bawaan kembali

Mati laki, tinggal pada bini
 Mati bini, tinggal pada laki

Berhubung dengan masalah larangan berkahwin dengan perempuan sesuku, mereka mengakui bahawa larangan itu memang tidak termasuk di dalam golongan perempuan-perempuan yang haram dikahwini oleh syarak. Harus juga difahami bahawa larangan berkahwin dalam hukum adat tidaklah seperti larangan dalam syariat kerana ia masih ada cara untuk membenarkan perkahwinan itu iaitu menjalankan upacara perkahwinan di luar kawasan Adat Perpatih.

Menurut mereka lagi sebab larangan itu ialah kaum yang sesuku masih ada hubungan darah, lebih-lebih lagi mereka dianggap sebagai saudara kandung. Ajaran Islam juga tidak menggalakkan umat berkahwin dengan perempuan yang masih ada hubungan kerabat terdekat. Menurut Imam Ghazali r.a. perkahwinan seperti ini boleh menyebabkan lemahnya keturunan. Ulama-ulamak Fiqh telah menjelaskan perkahwinan antara kaum kerabat sendiri, anak-anak yang dilahirkan kurang cerdas dan mereka terdedah kepada penyakit warisan. Perkara ini turut diperakui oleh ahli-ahli perubatan.

Apabila seseorang itu berkahwin dengan perempuan yang berlainan suku seperti lelaki suku tanah datar berkahwin dengan perempuan suku Sri Melenggang, akan bertambah luaslah hubungan

silaturrahim antara mereka. Rasulullah s.a.w. telah bersabda :

من احب ان يبسط له في رزقه وينشاء
له في اشره فليصل رحمه .¹

Maksudnya :

"Barang siapa yang telah dikasihi, sesungguhnya akan diluaskan baginya rezeki dan diikuti jejak langkahnya, maka hendaklah ia menghubungkan tali silaturrahim".

Hadis ini menjelaskan, mereka yang sentiasa berusaha dan memperatkan serta memperluaskan hubungan persaudaraannya akan dikurniakan keberkatan hidup, di samping dapat menghapuskan penyakit-penyakit hati seperti rasa dendam, irihati, sombong dan seumpamanya.

Menyentuh pula tentang konsep merantau dalam kata perbilangan :

Ke rantau matang dahulu
Berbunga berbuah belum
Merantau bujang dahulu
Di kampung berguna belum

Ustaz Haji Mustafa, berkata tuntutan 'merantau' dalam kata perbilangan ini adalah perkara yang dituntut oleh syarak demi untuk mencari ilmu pengetahuan, mencari rezeki ataupun perlindungan. Beliau telah memetik kata Imam Syafi^C Rahimahullah :

"Hendaklah kamu bermusafir dan tinggalkan kampung halaman, kamu akan mendapatkan mereka ganti daripada apa yang kamu tinggalkan".

¹ Muhammad b. Ismail ^{-C} Sahih al-Bukhari, juz. 7, hlm. 72.

Maksudnya menurut beliau, jangan dilarang dan dikhuatirkan anak-anak yang hendak keluar merantau kerana di sana nanti akan ada orang yang akan menghormatinya serta memberi perlindungan kepadanya. Masalah ini telahpun diselesaikan oleh Adat Perpatih melalui Kedim Adat.

Ustaz Ali Baharom mengkritik anak-anak muda yang terlalu ghairah untuk merantau ke kota, sehingga menyebabkan banyak tanah-tanah pusaka terbiar. Kadang-kadang pemergian mereka ke kota-kota, telah menyeleweng dari tujuan sebenar yang mengharap mereka kembali ke desa-desa dengan membawa kemajuan berdasarkan kepada pengalaman semasa di perantauan. Mereka telah menyuburkan penyakit-penyakit sosial dan tiada berguna pada kampung halaman jika mereka kembali malah mungkin dia akan mengganggu ketenangan kampung.

Namun begitu kedua-dua tokoh ini akur dengan perubahan zaman, anak-anak desa terpaksa terus menetap di kota atau di negeri-negeri lain kerana terpaksa berkhidmat di sana demi masa depan agama, bangsa dan negara. Terdapat juga di antara mereka yang telah berkeluarga di tempat mereka mencari rezeki. Walau bagaimanapun mereka akan tetap pulang ke kampung mereka suatu hari nanti - 'setinggi-tinggi terbang bangau, akhirnya ke tanah jua Suasana ini dapat dilihat pada musim hari raya, penghuni-penghuni kota berduyun-duyun pulang ke desa untuk merayakan hari lebaran tersebut bersama keluarga serta sanak saudara mereka.

Ustaz Ali Baharom diminta mengulas kata perbilangan :

Orang semenda bertempat semenda
 Bagai abu atas tunggul
 Di suruh pergi, dipanggil datang.

Kata perbilangan ini menyebabkan orang lelaki takut berkahwin dengan wanita adat kerana makna zahir pepatah ini seolah-olah orang semenda (si suami) kena ikut suruhan orang tempat semenda termasuk cakap isterinya. Menurut beliau, kita harus faham, menderhakai suami adalah suatu yang haram di sisi Islam, maka adalah tidak wajar adat mengajar masyarakatnya melanggar tata susila agama. Maksudnya yang sebenar ialah si suami perlu memahami suasana keluarga si isteri, tidak bersikap tidak ambil tahu atau mementingkan diri sendiri.

Apabila diminta pandangan mereka berhubung dengan penghayatan terhadap nilai-nilai etika yang terkandung dalam perbilangan adat, mereka menjelaskan bahawa penghayatannya semakin lemah terutamanya di kalangan generasi yang lahir selepas zaman kemerdekaan. Golongan muda mudi khasnya, mudah terikut-ikut dengan budaya kuning yang ditonjolkan melalui media massa yang semakin canggih. Sebagai contoh, televisyen atau 'video' terlalu banyak mempertontonkan adegan-adegan yang bercanggah dengan nilai adat dan syariat Islam. Selain daripada itu unsur-unsur negatif ini terdapat juga di dalam media cetak seperti majalah-majalah dan akhbar picisan.

Masyarakat adat juga telah mula bersikap individualistik. Contohnya, dahulu jikalau pokok buah-buahan mereka berbuah di dalam kampung halaman, jirannya terutama budak-budak diizinkan mengambilnya tanpa kebenaran terlebih dahulu. Tetapi sekarang budak-budak yang suka mengambil buah-buahan di halaman orang dianggap pencuri, kadang-kadang boleh menyebabkan mereka bermasam muka. Di dalam majlis kenduri kendara, khasnya kenduri kahwin, sikap kerjasama dan semangat tolong menolong semakin malap.

Sebabnya ialah golongan berada khasnya lebih suka menjalankan majlis itu secara kontrak dimana khemah, pinggan mangkuk disewa, penyediaan makanannya diupah. Alasan mereka supaya semua kerja dapat dilaksanakan dengan mudah, menjimatkan masa malah kebersihannya lebih terjamin.

Ustaz Haji Mustafa berkata, Adat Perpatih masih dikenali serta prinsip-prinsip masih diamalkan walaupun ia semakin pudar kerana namanya masih tercatat di dalam Enakmen Pegangan Adat - Bab 215. Anak-anak muda kurang berminat untuk memahami dan mempertahankan nilai adat ini, golongan tua harus dipersalahkan kerana ada di antara mereka yang mengikut adat secara membuta tuli dan menjadikan seolah-olah adat itu statik, malah ada yang menyatakan ia lebih wajar dipertahankan daripada syariat Islam.

Bertitik tolak atas masalah ini, Pusat Penyelidikan Budaya, Negeri Sembilan sedang membuat penyelidikan tentang Adat Perpatih. Ahli Jawatankuasanya sedang berusaha menerbitkan buku tentang Adat Perpatih berhubung dengan sejarah, sosial, politik dan hukum adat di mana Ustaz Haji Mustafa adalah salah seorang daripada AJKnya. Tujuannya, supaya generasi muda akan datang yang tidak sempat melihat nilai-nilai adat yang tulin diamalkan, dapat mengetahuinya melalui buku-buku ini nanti. Harapan mereka semoga anak-anak ini nanti boleh memahami dan menyanjung nilai-nilai etika yang murni yang terdapat dalam Adat Perpatih.

3.2 Pandangan Penulis

Nilai etika yang tersirat dalam kata perbilangan adat adalah 'selenggang dan seayun' dengan nilai akhlak atau etika yang

terkandung di dalam al-Qur'an dan al-Sunnah. Hukum adat itu ibarat cermin yang tidak kabur, pelita yang tidak padam manakala hukum syarak itu ibarat suluh yang terang benderang. Jadi, mana-mana hukum adat yang baik dan memberi manfaat kepada masyarakat dan selagi ia tidak bercanggah dengan hukum syarak hendaklah dikekalkan pemakaiannya. Kata pepatah :

Kuat adat tak gaduh hukum
Kuat syarak tak gaduh adat

Adat menghilangkan yang buruk, menimbulkan yang baik
Syarak menyuruh berbuat baik, meninggalkan berbuat jahat.

Oleh itu, masyarakat dinamis di samping menghayati konsep syarak, sepatutnya tidak melupakan nilai-nilai adat yang boleh memberikan manfaat.

Walaupun begitu, penulis rasa kurang setuju cara hukum adat menyelesaikan masalah berkahwin sesuku iaitu sesiapa yang berkeras juga hendak berkahwin dengan perempuan yang sesuku dengannya hendaklah dilangsungkan di luar kawasan adat. Tindakan ini boleh memalukan orang yang terlibat serta keluarganya. Hal ini adalah suatu yang bertentangan dengan konsep akhlak Islam kerana Rasulullah s.a.w. menyuruh umatnya supaya sentiasa menjaga maaruah saudaranya, baginda bersabda :

¹Md Sharif Fakeh Hassan, "Keberkesanan Adat Perpatih Di Dalam Pembentukan Sebuah Masyarakat Yang Dinamis", hlm. 14.

ومن فرج عن مسلم كربة فرج الله عنه
 من كربات يوم القيامة ومن ستر مسلما
 ستره الله يوم القيامة .

Maksudnya :

"Sesiapa yang melepaskan kesusahan seseorang muslim, maka Allah akan melepaskan kesusahan-kesusahannya di hari kiamat dan sesiapa yang menutup (kebaikan) seseorang muslim, maka Allah akan menutup (kebaikannya) di hari kiamat nanti".

Begitu juga dengan persoalan cara pewarisan tanah adat hingga ke hari ini masalah ini masih menimbulkan keraguan di kalangan umat Islam terutamanya mereka yang ada memiliki tanah adat. Ulamak-ulamak di alam Minangkabau tidak bersepakat tentang keharusan tanah adat ini untuk 'diwaris' kepada anak perempuan, walaupun ada yang berpendapat tanah adat itu merupakan tanah wakaf untuk anak perempuan. Seharusnya ulamak-ulamak di alam Minangkabau dan ulamak-ulamak yang dibesarkan dalam suasana Adat Perpatih berbincang dan mengeluarkan fatwa berhubung dengan masalah ini sama ada ia harus atau haram. Dengan cara ini sahaja keraguan tersebut dapat diselesaikan serta tanggapan masyarakat di luar adat yang mengatakan masyarakat Islam Adat Perpatih telah membelakangkan hukum faraid yang telah ditetapkan oleh ajaran Islam, dapat diatasi.

Satu perkara lagi yang mencemarkan kemurnian Adat Perpatih ialah isu perlantikan Undang. Kini telah berlaku perebutan jawatan Datok Undang, contohnya perlantikan Datok Kelana Sungai Ujong.

¹Muhammad Isma^Cil, Sahih al-Bukhari, juz. 3, hlm. 99.

Mereka yang terlibat telah mengabaikan tuntutan kata perbilangan :

Kemenakan segala ke mamak
mamak beraja ke penghulu (Undang)
Penghulu beraja ke muafakat
Muafakat beraja kepada kebenaran
Kebenaran berdiri sendiri
Yang menurut alur dan patut.

Masalah ini timbul apabila Datuk Lembaga Tiang Balai yang bertanggungjawab melantik Datok Kelana Sungai Ujung tidak ada kata muafakat untuk menentukan siapa yang layak. Masing-masing mengutamakan kaum kerabat sendiri atau orang yang ada kepentingan peribadi dengannya.

Harapan penulis agar nilai-nilai murni yang tersirat dalam kata-kata perbilangan adat harus difahami maksud serta berusaha merealisasikannya. Adalah disyorkan jika pihak yang terlibat terutamanya Jabatan Pendidikan Negeri supaya kata-kata perbilangan adat ini diajarkan dalam kegiatan ko-kurikulum sekolah. Tujuannya supaya para pelajar lebih prihatin kepada prinsip-prinsip yang terdapat di dalam Adat Perpatih serta mereka turut berbangga dilahirkan dalam masyarakat yang beradat dan berusaha memelihara warisan budaya ini daripada terus berkubur. Penulis juga mengharapkan supaya masyarakat di luar Adat khasnya, janganlah memandang kata-kata perbilangan adat itu secara sepintas lalu sahaja. Pantun adat berkata :¹

Kulit mair ditimpa batin
Batin ditimpa gala-gala

¹Idrus Hakimy Dt. Raja Penghulu (H), Rangkaian Mustika Adat Basandi Syarak Di Minangkabau, hlm. 19.

Dalam lahir ada berbatin
Dalam berbatin berhakikat pula

Kalau berguru kepalang ajar
Umpama bunga kembang tak jadi
Kalau hanya sekadar dapat didengar
Tidak akan dapat di dalam difahami

Mengeruk tidak sehabis gaung
Meraba tidak sehabis rasa
Banyak fahamnya yang tidak berlangsung
Sehingga bertukar tujuan dan maksudnya.

BIBLIOGRAFI

al-Qur'ān al-Karīm

- ^CAbdullah Nāsih ^CUlwan, Tarbiyah al-Aulād Fī al-Islam, 2 juzuk, Singapura: Kerjaya al-Mahmudah, 1975.
- ^CAbdullah Nāsih ^CUlwan. Pendidikan Anak-anak Dalam Islam. Ptrj. Syed Ahmad Semait. 2 juzuk. Singapura : Pustaka Nasional Pte., Ltd., 1990M/1410H.
- ^CAbdullah Siddik, Dr. Pengantar Undang Adat di Malaysia, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 1975.
- Abdullah Taib. Asas-asas Antropologi. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1985.
- Abdul Rahman Mohammad. Dasar-dasar Adat Perpatih. Kuala Lumpur: Pustaka Antara, 1964.
- Abdul Samad Idris, Dato'. Hubungan Minangkabau Dengan Negeri Sembilan Dari Segi Sejarah dan Kebudayaan. Seremban: Pustaka Asas, 1970.
- Ahmad Amin, Dr. Kitab al-Akhḫāḫ. Beirut : Dā al-Kitab al-^CArabi, 1969.
- Abi Daud, Sulaimān Ibn. al-Ash^Cath al-Sajastāni. Sunan Abi Daud, 2 juzuk. Dār al- Fikri, t.t.
- Aishah Hasan (Penterjemah). Pendidikan Islam Terhadap Anak-anak. 2 bahagian. Kuala Lumpur: Pustaka Salam, 1928.
- A. Kadir Yusof. "Mengenal Adat Perpatih : Struktur dan Organisasinya". Dewan Masyarakat. (April, 1973).
- Amir Syarifuddin, Dr. Perlaksanaan Hukum Kewarisan Dalam Lingkungan Adat Minangkabau. Jakarta: P.T. Gunung Agung, 1984.
- Ariff bin Kassim. "Berkedim: Satu Proses Bersaudara Dalam Adat Perpatih". Mastika (Februari, 1979).
- A. Samad Idris, Tan Sri . Adat Perpatih. 52 Siri Rencana Akhbar Mingguan Malaysia 1988-1989, Dikumpulkan oleh Salimah Ali, Koleksi Penyelidikan Budaya Negeri Sembilan.
- al-Banna, As-Syahid Hassan, al-Imām. Konsep Masyarakat Pembaharuan Islam. Ptrj. Su'adi Sa'ad. Malaysia : Thinker's Library Sdn. Bhd., 1988.
- Bey Ariffin, H. Abdullah Said. Rahsia Ketahanan Mental Dan Bina Mental Dalam Islam. Surabaya. Penerbit 'al-Ikhlas, 1980.

- De Jong, P.E. Minangkabau and Negeri Sembilan: Socio Political Structure in Indonesia. t.tp : The Hague Martinus Nijhoff, 1952.
- Dewey, John. Teory of Moral Life. t.tp: Holt, Rinehart And Winston IWC., 1960.
- al-Farrā', Mohammad b. Husin, al-Qadi, al-Ahkām al-Sultāniah. Mesir: Mustaffā al-Babī al-Halabi wa Auladuhu, 1966M/1386H.
- Gazalba, Sidi, Drs. Ilmu Islam. Kuala Lumpur: Perusahaan Offset-Bumikita, 1979.
- Gullick, J.M. Sistem Politik Bumiputera Tanah Melayu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1978.
- Hamka, Haji Abdul Malik Karim Amrullah, Prof. Dr. Tafsir al-Azhar. 10 jilid. Singapura: Pustaka Nasional Pte. Ltd., 1990.
- Hamka. Islam Dan Minangkabau. Jakarta : Penerbit Pustaka Panjimas, 1984.
- Hamzah Ya'qub, Dr. Ethika Islam. Jakarta : C.V. Publicita, 1979.
- Hanbal, Ahmad, al-Imām. Musnad al-Imam Ahmad b. Hanbal. 6 juzuk. Beirut : Maktabah Islami, t.th.
- Hussein bin Kassim. Adat Perpatih. Transkripsi Sejarah Lisan Koleksi Adat Perpatih (5 Oktober, 1989).
- Hooker, M.B. Adat Laws In Modern Malaya. Kuala Lumpur: Oxford University Press. 1971.
- Hooker, M.B. Reading in Malay Adat Laws. Singapore : Universiti Press, 1970.
- Ibi. "Adat Dalam Masyarakat Melayu", Mastika, (March, 1962).
- Ibnu Majah, Abi ^CAbdullah Muhammad b. Yazid al-Qazwīni, Sunan Ibnu Majah. 2 juzuk t.tp : ^CIsa al-Babī al-Halabi wa Syarkahu, t.t.
- Ibnu Manẓur, Jamaluddin Muhammad b. Mukram. Lisan al-^CArab. 15 jilid. Beirut, Dar al-Beirut, 1968M/1388H.
- Ibnu Kathīr, Abi al-Fidā' Isma^Cīl, al-Imām. Tafsir Ibnu Kathīr. 4 juzuk. Beirut: Dar al-Fikri, 1968.
- Ibrahim Atin, Perbilangan Adat. t.tp. Sinaran Bros. , t.t.
- Idrus Hakimi dt. Raja Penghulu, H. Rangkaian Mustika Adat Basan di Syarak di Minangkabau. Bandung: Remadja CV, 1984.
- Ismail Mat. "Pemakaian Kaedah Antropoligi dan Sains Perundangan Islam Dalam Kajian dan Penilaian Kos Undang-undang Adat".

Islāmiyyāt. Vol. 7 (1986).

Jamaluddin b. Abdullah. "Adat Menyembah: Mastika (Julai, 1958).

Khazin Mohd. Tamrin. Orang Jawa di Selangor, Penghijrahan dan Penempatan 1880 - 1940. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1987.

Kolb, Julius Gould William L., ed. A Dictionary of The Social Sciences. New York : The Free Press, t.t.

Lister, Martin. "Malay Law in Negeri Sembilan". JMBRAS, no. 22, 1980.

Mansoer, M.D., Drs. Sejarah Minangkabau. Jakarta: Bharata, 1970.

al-Marbawi, Mohammad Idris ^CAbdul Rauf. Kamus Idris al-Marbawi ^CArabi - Malayūwī. Mesir : Mustafa al-Babi al-Halabi wa Auladuhu, 1350H.

al-Maududi, Abu ^CAla. Pokok Pandangan Hidup Muslim, Ptrj. Osman Ralibyh. Singapura: Pustaka : Nasinal Pte. Ltd, 1982.

M. Nasroen, Mr. Prof. Dasar Falsafah Adat Minangkabau. Djakarta: Bulan Bintang, 1971.

Mochtar Naim, Dr. Merantau Pola Migrasi Suku Minangkabau. Yogyakarta : Gajah Mada Universiti Press, 1979.

Mohamed Din bin Ali, Sambaan Chakap dan Pepatah Adat Melayu. Kuala Lumpur : The Economy, Printer Ltd. 1956.

Mohd Ridzuan Awang. Konsep Undang-undang Tanah Islam, Pendekatan dan Perbandingan. Kuala Lumpur: ar-Tahmaniah, 1987.

Mokhtar bin Hj. Md. Dom. Adat Perpatih dan Adat Istiadat Masyarakat Malaysia. Kuala Lumpur : Federal Publication, 1977.

M. Rasjid Manggis Datuk Radjo Panghoeloe. Minangkabau Sejarah Rengkas dan Adatnya. Jakarta: Penerbit Mutiara, 1982.

Muhammad Abul Quasem. The Ethics of al-Ghazali a Composite Ethics In Islam. Petaling Jaya: Central Printing Sendirian Berhad, 1975.

Muslim, Muslim b. al-Hajjāj, al-Imām, Sahīim. 5 jilid. Beirut: Dar al-Fikri, 1978M.

Nordin Bachik. Adat Perpatih. Transkripsi Sejarah Lisan, Koleksi Adat Perpatih.

Nordin Selat, Dr. Sistem Sosial Dalam Adat Perpatih. Kuala Lumpur:

Utusan Publication & Distributor Sdn. Bhd. 1982.

Nordin Yakub, Dt. B. Minangkabau Tanah Pusaka. Bukit Tinggi, Pustaka Indonesia, 1987.

Qutub, Muhammad ^CAli. Bai^Cat kaum Wanita Terhadap Rasulullah. Ptrj. Jamaluddin Kafie. Malaysia : Panamas Sdn. Bhd., 1984.

Qutub, Muhammad ^CAli. Mutiara Perkahwinan Menurut Ajaran Islam. Ptrj. Haji Taib Azam, uddin Mohd Taib, Haji Mohammed Yasin Haji Abdul Majid Haji Jaafar, T. Muhammad. Mutiara Perkahwinan Menurut Ajaran Islam. Kuala Lumpur : Pustaka Haji Abdul Majid, 1989.

Runnes, Dagobert D. Dictionary of Philosophy. U.S.A.: Littefield, Adams & Co., 1970.

al-Sayid Sabiq. Fikh Sunnah. t.tp Maktab al-Muslim., t.t.

Sayid Sabiq. Fikh Sunnah, Ptrj. Drs. Moh Thalib. Bandung: al-Ma'arif, 1981.

al-Tirmidhī, Abi ^CIsa Muhammad b. ^CIsa. al-Jami^C al-Sahī wa Huwa Sunan al-Tirmidhi. 5 juzuk. Mesir : Mustafa al-Babi wa Auladuhu, 1985M/1395H.

Winstedt, R.O. "Familhy Relationship in Negeri Sembilan". Journal of The F.M.S. Museums. Vol. IX, Part II (Januari, 1920)

Kertas Kerja

1. Kertas Kerja Seminar Adat Perpatih. Anjuran PERMANIS, UKM. pada 17-18 September, 1988.

- i. Tan Sri Dato' Haji Abdul Samad Hj. Idris. "Secebis Adat Perpatih Nilai dan Falsafahnya".
- ii. Tuan Haji Md. Sharif Fakeh Hassan. "Keberkesanan Adat Pepatih Di Dalam Pembentukan Sebuah Masyarakat Yang Dinamis".
- iii. Dato' Haji Mustafa Hj. Ahmad, "Adat Perpatih Dan Syarak" Di Negeri Sembilan".

2. Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Adat Perpatih dan Wilayah Budaya Negeri Sembilan. Anjuran UPM, 1984 .

- i. H.M. Dahlan, "Sistem Ide Dalam Masyarakat Adat".
- ii. Mohd Yusof b. Md. Nor. "Perlambangan Dalam Perbilangan

Adat Perpatih : Satu Pandangan Umum".

- iii. Idrus Hakimi Dt. Raja Penghulu. "Adat Minangkabau Basandi Syarak, Syarakt Basandi Kitabullah Dalam Pembangunan Masyarakat"

- 3. Kertas Kerja Seminar Persejaraahan Adat Perpatih Anjuran Majlis Belia Negeri Sembilan pada 10 -12 April, 1974.

- i. Haji Abbas b. Haji Ali, "Sebahagian Dari Dasar Adat (Tinjauan Secara Umum).
- ii. Haji Abd. Samad Idris. "Kemurnian Dalam Adat Perpatih".
- iii. Ustaz Hashim A. Ghani, "Kata-kata Perbilangan Dan Tafsirannya".
- iv. Idris b. Hj. Tain. "Beberapa Konsep Penting Dalam Sistem Adat Perpatih Negeri Sembilan".
- v. Dr. Khoo Kay Kim, "Sistem Politik Negeri Sembilan".

Temubual

Tuan Haji Sharif Fakeh Hasan. Kg. Mula Rembau, N. Sembilan. Temubual pada 2.2.1991.

Ustaz Haji Mustafa Ahmad. Taman Datuk Wan, Seremban, N. Sembilan. Temubual pada 30.1.1991.

Ustaz Ali Baharum. Kadi Besar, Mahkamah Tinggi, Seremban. N. Sembilan, Temubual pada 30.1.1991.

Sulaiman Kedimi, Pegawai Bahagian Pesaka Daerah Kuala Pilah, N. Sembilan. Temubual pada 20.12.1990.